

Perdagangan borong, runcit cecah RM142.4b

Perdagangan borong dan runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan RM142.4 bilion pada Januari 2024, meningkat 5.4 peratus berbanding setahun lalu.

Bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, nilai jualan jatuh 1.1 peratus berbanding Disember 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan sebanyak 5.4 peratus tahun ke tahun pada Januari itu dipacu oleh subsektor perdagangan borong yang meningkat 5.5 peratus atau RM3.3 bilion kepada RM63.7 bilion.

"Kenderaan bermotor juga berkembang dengan mencatatkan 16 peratus atau RM2.4 bilion kepada RM17.6 bilion, diikuti oleh perdagangan runcit dengan pertumbuhan 2.6 peratus atau RM1.5 bilion untuk berada pada RM61.1 bilion," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi perbandingan bulanan, Mohd Uzir berkata, prestasi negatif 1.1 peratus berbanding bulan se-

belumnya adalah disebabkan oleh perdagangan runcit yang menurun 2.1 peratus, diikuti oleh subsektor kenderaan bermotor yang menguncup 5.1 peratus.

"Sebaliknya, subsektor perdagangan borong merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2 peratus pada bulan berkenaan," katanya.

Melihat kepada prestasi mengikut subsektor, Ketua Perangkawan memaklumkan bahawa pertumbuhan 5.5 peratus tahun ke tahun bagi perdagangan borong pada bulan berkenaan disumbangkan oleh lain-lain pengkhususan jualan borong yang meningkat RM1.8 bi-

lion atau 8.3 peratus kepada RM24 bilion.

Katanya, ini diikuti oleh jualan borong makanan, minuman & tembakau (4.6 peratus), jualan borong barangan isi rumah (2.9 peratus), jualan borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup (4.2 peratus), jualan borong jentera, peralatan & bekalan (4.5 peratus), perdagangan borong tanpa pengkhususan (4.3 peratus) dan jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran (2.1 peratus).

"Bagi perbandingan bulanan, perdagangan borong kembali mencatatkan pertumbuhan positif iaitu 1.2 peratus, terutamanya disum-

bangkan oleh jualan borong makanan, minuman & tembakau (6.7 peratus), jualan borong barangan isi rumah (2.0 peratus), lain-lain pengkhususan jualan borong (0.6 peratus) dan perdagangan borong tanpa pengkhususan (0.6 peratus)," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.6 peratus bagi subsektor perdagangan runcit disokong oleh jualan runcit di kedai pengkhususan yang tumbuh 4.9 peratus atau RM600 juta kepada RM12.9 bilion.

Katanya, kumpulan lain dalam subsektor ini turut merekodkan pertumbuhan positif iaitu jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (2.2 peratus), jualan runcit barangan isi rumah (3.3 peratus), jualan runcit makanan, minuman & tembakau (6.2 peratus), jualan runcit bahan api kenderaan (1.0 peratus), jualan runcit barangan kesenian & rekreasi (1.1 peratus), jualan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (0.7 peratus) dan jualan runcit di gerai & pasar (2.0 peratus).

Subsektor perdagangan borong merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2 peratus pada bulan Januari

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

